

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.) : SETIAP AMALAN BERGANTUNG DENGAN NIAT

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 13 Oktober 2010 10:19

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

13 OKTOBER 2010/5 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Setiap Amalan Bergantung Dengan Niat

Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya sah atau tidak sesuatu amalan itu, bergantung pada niat. Dan setiap sesuatu pekerjaan itu apa yang diniatkan. Maka sesiapa yang berhijrah semata-mata taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu diterima oleh Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang berhijrah kerana keuntungan dunia yang dikejanya, atau kerana perempuan yang akan dikahwini, maka hijrahnya itu terhenti pada apa yang ia niat hijrah kepadanya".

(Hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Huraian

1. Peranan niat adalah amat penting dalam kehidupan manusia, kerana niat menentukan segala-galanya sama ada jujur atau tidak jujur, ikhlas atau tidak ikhlas seseorang itu dan sebagainya, semuanya bergantung dengan niat.
2. Para ilmuwan Islam meletakkan niat itu sebagai rukun pertama dalam semua ibadat. Bahkan untuk membezakan antara ibadat dengan adat hanyalah dengan niat.
3. Jika niatnya baik, baiklah amalannya dan begitulah seterusnya. Sesuatu perbuatan adat jika diniatkan mengikut tuntutan dan keredaan Allah dan Rasulullah maka ia berubah menjadi ibadat dan mendapat pahala.
4. Penghijrahan manusia dari satu tempat ke satu tempat, dari satu tugas ke suatu tugas, dari satu hajat ke suatu hajat semuanya akan dilaksanakan mengikut apa yang diniatkan.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madihah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my